

*Peninggalan Sejarah  
di Pesisiran Sungai Johor*

# *Peninggalan Sejarah di Pesisiran Sungai Johor*

KAMARUDIN AB. RAZAK

*Tayasan Warisan Johor*

Johor Bahru  
1998

© Yayasan Warisan Johor, Kamarudin Ab. Razak, 1998.

ISBN 983-99328-2-9

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Pengarah Yayasan Warisan Johor (JKR 304, Jalan Mariamah, 80100 Johor Bahru, Johor Darul Takzim) dan Kamarudin Ab. Razak (Yayasan Warisan Johor).

*Disunting oleh:*

Mohd. Kamaruzzaman A. Rahman

APB 981583  
NASKHAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
23 MAY 2000

*Dicetak di Malaysia oleh:*  
Percetakan Asni Sdn. Bhd.  
No. 16, Jalan Sulaiman 1  
Taman Putra Sulaiman,  
(Batu 4½ Off Jalan Ampang)  
68000 Ampang  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-457 6689 03-451 0980



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.

Tahniah dan penghargaan sewajarnya diberikan kepada Drs. Kamarudin Ab. Razak, Kurator Yayasan Warisan Johor kerana berjaya menghasilkan sebuah buku yang dapat memberikan maklumat awal mengenai peninggalan sejarah yang terdapat di Pesisiran Sungai Johor ini.

Sebenarnya banyak lagi warisan sejarah Johor yang masih belum dikaji dan disebarluaskan untuk diketahui oleh masyarakat umum. Kita yakin usaha yang dilakukan ini berupaya membuktikan kebanggaan masyarakat terhadap warisan budaya bangsanya sekaligus dapat menebalkan lagi kecintaan mereka terhadap bangsa dan negara.

Oleh hal yang demikian saya menyeru semua pihak agar memberikan sokongan dan kerjasama bagi menjayakan projek-projek seperti ini. Semoga usaha beliau mengumpulkan maklumat sejarah di negeri Johor ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutama dalam membuat penyelidikan yang lebih mendalam bagi membina semula kegemilangan Sungai Johor.

Sekian, selamat maju jaya.

YAB. Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman  
Menteri Besar Johor  
Merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah  
Yayasan Warisan Johor



Buku bertajuk "Peninggalan Sejarah Di Pesisiran Sungai Johor" ini adalah sebuah buku yang dapat memberi panduan kepada pembaca untuk mengetahui tempat-tempat bersejarah yang ada di sepanjang Sungai Johor. Usaha pengumpulan maklumat awal seperti ini penting bagi menjaga dan memulihara warisan sejarah supaya tidak terbakis dalam arus pembangunan.

Buku ini diharapkan dapat mendorong ke arah usaha-usaha penyelamatan memandangkan sebahagian besar daripada tempat-tempat bersejarah yang dilaporkan hanya merupakan benteng kota dan makam yang diperkirakan dari zaman Kesultanan Melayu Johor yang kini semakin dilupakan. Tidak banyak kesan peninggalan yang dapat dilihat dengan jelas namun dari maklumat sejarah yang digambarkan ia pasti merupakan kawasan peninggalan yang sangat penting untuk diselidiki dengan lebih lanjut.

Usaha-usaha yang perlu dibuat adalah dengan mencari data-data sejarah yang lebih pasti seperti dengan melakukan ekskavasi, konservasi dan seterusnya membangungkan kembali kegemilangan kerajaan Johor yang pernah bertapak di Sungai Johor. Dengan pelaksanaan kerja-kerja seperti ini kawasan-kawasan tersebut tidak akan terbiar malah akan lebih dikenali jika dijadikan sebagai sumber penyelidikan dan objek pelancongan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Drs. Kamarudin Ab. Razak, Kurator Yayasan Warisan Johor dan semua kumpulan pembantu yang terlibat dalam usaha penyempurnaan penulisan buku ini.

Sekian, selamat maju jaya.

Haji Zail bin Baron  
Pengarah  
Yayasan Warisan Johor

# Prakata



*Bismillahirrahmanir rabim*

AKLUMAT tapak-tapak sejarah yang terdapat di pesisiran Sungai Johor ini telah dapat dihimpunkan lebih awal melalui sumber kepustakaan, orang-orang tua tempatan dan peminat sejarah di daerah Kota Tinggi. Daripada maklumat yang diperolehi maka satu survei lapangan telah dilaksanakan pada 16 Oktober hingga 31 Oktober 1995 oleh Bahagian Muzium Yayasan Warisan Johor dengan bantuan beberapa pihak.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Tuan Haji Zalil bin Baron, Pengarah Yayasan Warisan Johor yang telah banyak memberi sokongan dan galakan serta keizinannya untuk melaksanakan kerja ini.

Ucapan terima kasih diberikan kepada Pembantu Muzium Yayasan Warisan Johor iaitu Encik Mazlan Keling yang telah banyak membantu dalam merakamkan foto-foto, Cik Khalijah Ikhwan dan Cik Aliza Mohd. Rusli yang banyak membantu dalam pencarian dan pencatatan data serta lakaran pelan lokasi sehingga buku ini dapat disempurnakan.

Ucapan terima kasih juga kepada Encik Murad Harun, Pembantu Muzium dari Muzium Negara, Kuala Lumpur dan Puan Hamidah Ahmad, mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia yang telah turut menyertai survei lapangan.

Akhirnya ucapan terima kasih kepada Encik Ahmad Razali Yadi dan Encik Hamzah Md. Som pemandu bot yang telah banyak memberi penunjuk jalan ke tempat-tempat sejarah melalui Sungai Johor.


Wassalam.

Kamarudin Ab. Razak





# Bab 1



Peta Taburan  
Peninggalan Sejarah di  
Pesisiran Sungai Johor

# Pengenalan



UNGAI Johor merupakan pusat pemerintahan terpenting kesultanan Melayu selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511. Pemerintahan kesultanan Johor di Sungai Johor bermula pada tahun 1529 hingga tahun 1718 iaitu kira-kira 129 tahun di bawah pemerintahan 11 orang sultan bermula dari Sultan Alauddin Riayat Shah II hingga Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV.

Sepeninggalan pemerintahan kesultanan ini terdapat banyak kesan-kesan sejarah di sepanjang Sungai Johor. Di antara peninggalan yang boleh ditemui sehingga kini ialah makam-makam sultan dan pembesar, kota-kota dan kubu pertahanan serta bekas tapak istana.

Sepanjang pemerhatian terhadap tempat-tempat yang berkaitan dengan sejarah kesultanan Melayu Johor sebagaimana yang pernah dilaporkan oleh ahli-ahli sejarah terdahulu, mendapati bahawa kawasan-kawasan ini kini merupakan sebuah perkampungan lama yang penduduknya sangat sedikit bilangannya. Kebanyakkan tempat-tempat ini pula ditinggal kosong dan kini merupakan kawasan hutan kecil dan semak belukar. Pada beberapa tempat telah mengalami kemusnahan akibat pembangunan. Bagi tempat-tempat yang baru ditemui tempat ini perlu diselidiki dengan lebih lanjut bagi menyempurnakan data-data sejarah Johor.

Kebanyakkan tempat-tempat sejarah ini masih belum diberi perhatian yang sewajarnya. Perubahan bentuk mukabumi akibat hakisan, pemendapan sungai dan aktiviti

manusia dikhawatir akan memberi kesan kepada tempat tersebut se-kiranya tiada langkah-langkah yang diambil untuk memelihi-ranya.

Tindakan awal Yayasan Warisan Johor adalah dengan mengambil inisiatif menyusuri Sungai Johor bagi mengesan dan mengenalpasti kesan-kesan se-jarah yang kebanyakannya berada di pesisiran sungai ini. Kawasan yang terlibat dalam pengesanan peninggalan sejarah ini di antara-nya ialah di Kampung Johor


Lama, Kampung Panchor, Bukit Seluyut, Gonggong@Tanah Putih, Kota Seberang, Batu Sawar, Kampung Makam, Kampung Kelantan dan Sayong Pinang.

Hasil daripada perlaksanaan survei melalui jalan darat dan sungai di sepanjang pesisiran Sungai Johor yang dijalankan oleh bahagian muzium Yayasan Warisan Johor ini didokumen-tasikan sebagaimana deskripsi ringkas mengenai tapak sejarah yang dimuatkan dalam buku ini.





# Bab 2



# Kota Johor Lama



## Kedudukan

OTA Johor Lama terletak di tebing kiri menghilir Sungai Johor kira-kira 27km dari bandar Kota Tinggi atau kira-kira 30km dengan darat melalui jalan ke Desaru masuk ke Teluk Sengat. Bagi memudahkan perjalanan yang melalui ladang getah dan ladang kelapa sawit beberapa papan tunjuk arah telah disediakan untuk sampai ke kota tersebut. Kota ini terletak di kawasan ladang getah atas tebing muara Sungai Johor. Terdapat juga beberapa buah perkampungan Melayu seperti Kampung Teluk Sengat dan Kampong Johor Lama.

## Sejarah Kota Johor Lama

Sejarah Kota Johor Lama bermula pada tahun 1540 apabila Sultan Alauddin Riayat Shah II (Raja Johor kedua 1528-1564) berpindah ke Tanjung Batu yang terletak di tepi Sungai Johor. Baginda telah mendirikan sebuah kota yang dibina daripada susunan batu dan kemudiannya ditambah dengan tanah yang sekarang dikenali sebagai Kota Johor Lama. Dengan terbinanya kota ini, kerajaan Johor menjadi sebuah negeri yang kuat hingga dapat mematahkan serangan Aceh beberapa kali.

Sultan Alauddin Riayat Shah II akhirnya tewas juga ditangan Aceh di bawah Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahhar di dalam satu perperangan yang sengit. Sultan Alauddin Riayat Shah II telah dibawa ke Aceh lalu dihukum bunuh pada tahun 1564.



Benteng  
Kota Johor  
Lama.

Pada tahun 1564 dengan perkenan Sultan Acheh, anak almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah II iaitu Radin Badar telah ditabalkan menjadi Sultan Johor yang ketiga bergelar Sultan Muzafar Shah. Selepas setahun bersemayam di Kota Johor Lama, baginda telah memindahkan pusat pentadbirannya ke Seluyut sehinggalah baginda mangkat pada tahun 1570. Baginda telah digantikan oleh Sultan Abdul Jalil Shah I. Semasa ditabalkan baginda hanya berusia lapan tahun dan segala urusan pentadbiran kerajaan dilakukan oleh Bendahara Seri Maharaja Tun Hisap Misai. Sultan Abdul Jalil Shah I, Sultan

Johor keempat mangkat selepas satu tahun ditabalkan iaitu pada tahun 1571.

Raja Umar telah ditabalkan menjadi Sultan Johor kelima bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II. Baginda memerintah dari tahun 1571-1597. Pada tahun 1573 baginda telah bersemayam semula di Kota Johor Lama dan telah membahipulih kota pertahanan yang telah yang telah ditinggalkan selama sembilan tahun (1564-1573). Semasa pemerintahan baginda, Johor telah bersahabat semula dengan Acheh. Perhubungan ini tidak disenangi oleh Portugis di Melaka lalu Portugis menyerang Kota Johor Lama pada tahun



*Salah satu sudut benteng kota yang menghadap ke Sungai Johor.*

1576 dan 1578. Kedua-dua serangan ini telah dapat ditumpaskan oleh tentera-tentera Johor. Semasa pemerintahan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil, baginda telah beberapa kali menyerang Portugis di Melaka. Jika bukan kerana sokongan tambahan orang-orang Portugis dari Goa India, besar kemungkinan Melaka dapat ditakluk semula.

Johor yang dianggap sentiasa menjadi ancaman Portugis di Melaka akhirnya telah diserang dan ditewaskan oleh Portugis pada 15 Ogos 1587. Johor Lama telah dikepung selama hampir satu bulan oleh angkatan tentera Portugis yang

besar di bawah pimpinan Siamo de Abreu da Antonio de Noronha. Sultan Ali Jalla berundur dan membina pusat pemerintahan yang baru di Batu Sawar sehingga baginda mangkat pada tahun 1597.

Paulo de Lima Pereira melaporkan, dalam perperangan tersebut Portugis memusnahkan langsung pusat pentadbiran Kota Johor Lama lalu dibakar dan Kota Batunya dimusnahkan. Beliau telah merampas 800 pucuk meriam gangsa, emas, perak, 1,200 buah perahu besar dan kecil dan sebagainya. Menurutnya kapal yang membawa rampasan perang ini telah karam di perairan Indonesia.



Gambaran dalam kota.



Benteng kota dengan ketinggian kira-kira 2 meter.

Sejak dari tarikh itu pusat pemerintahan di Tanjung Batu dengan kotanya yang gagah tidak lagi dijadikan ibu negeri oleh sultan-sultan Johor berikutnya. Kota Johor Lama terbiar buat seketika hingga ke zaman pemerintahan Sultan Ibrahim (1677-1685). Pada ketika itu Johor Lama diserahkan penjagaannya kepada Temenggong. Pada tahun 1678, Laksamana Tun Abdul Jamil Paduka Raja (bapa mertua Sultan Ibrahim) telah datang ke Johor Lama dari Siak dan membunuh Temenggong. Sultan Ibrahim telah cuba membina semula Johor Lama

dan memindahkan pusat kerajaan ke sana tetapi tidak tercapai kerana mangkat di Riau pada 16 Februari 1685.

Kota Batu Johor Lama menjadi tempat bersemayam sementara Sultan Mahmud Shah II (1685-1699). Pada ketika itu pusat pemerintahan baginda terletak di Pasir Raja, Kota Tinggi (Kampong Makam sekarang). Selepas baginda mangkat Kota Batu tidak digunakan lagi.

Kegemilangan Kota Johor Lama di dalam sejarah pemerintahan kesultanan Melayu Johor tidak boleh dipandang ringan. Ia pernah menjadi ibu negeri se-



Benteng Kota Batu selepas aktiviti ekskavasi.



Dipercaya makam Sultan Alauddin Riayat Shah II di dalam kawasan Kota Johor Lama.



Dipercaya sebagai makam pahlawan.

banyak dua kali iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah selama 24 tahun (1540-1564), dan pada zaman kemuncak kegemilangan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II selama 13 tahun (1574-1587).

#### **Keadaan Kota Johor Lama**

Kota Johor Lama juga dikenali sebagai Kota Batu, mengambil nama sempena kedudukannya di tempat yang bernama Tanjung Batu. Bahagian utama tembok kota tersebut diperkuat dengan susunan batu yang kemudian ditambak dengan tanah. Kota ini

terletak di atas sebuah puncak bukit di tepi kiri Sungai Johor. Sebahagian daripada tembok kota terletak di atas sebuah tanjung yang curam dan merupakan sebahagian daripada tebing Sungai Johor. Tanjung ini dikenali sebagai Tanjung Batu.

Kedudukan kota adalah menghadap ke Sungai Johor. Asas binaan dibuat daripada batu dilapisi dengan timbunan tanah. Panjang kota dianggarkan kira-kira 1012.7 meter dan purata lebar kota ialah 2 hingga 4 meter. Di bahagian luar tembok kota terdapat parit pertahanan dan hampir di sepanjang luar



*Salah satu bentuk batu nesan lama di dalam kawasan makam Kampung Johor Lama.*



Makam kuno yang dibina daripada susunan batu batu.

tembok terdapat deretan pokok buluh. Keadaan sekarang hanya sebahagian sahaja tembok kota yang dipelihara manakala sebahagian lagi khususnya yang menghadap ke kaki bukit masih terbiar ditumbuhi semak belukar.

### Kesan-kesan Penemuan Lain

#### I. Makam Lama

Di dalam kota terdapat dua makam lama yang dipercayai sebagai makam Sultan Alauddin dan makam Bidan. Makam Sultan Alauddin dan makam

Bidan mempunyai bentuk batu nisan yang hampir sama dengan makam-makam lama yang lain iaitu batu Aceh.

Terdapat sebuah lagi makam lama terletak di kawasan perkuburan awam yang belum dapat dikenalpasti. Batu nesannya berbentuk silinder besar dan tinggi kira-kira 1 meter. Terdapat juga makam yang terletak di atas susunan batu bertingkat yang berlapis-lapis. Dipercayai makam ini mempunyai kedudukan tertentu di dalam masyarakatnya. Sebuah lagi makam yang dipercayai makam pahlawan ditemui di tepi jalan kira-kira 200 meter



*Perigi lama dikelilingi rimbunan pokok buluh.*

ke Kota Batu. Batu nesannya diperbuat daripada kepingan batu granit.

## 2. *Perigi Lama*

Penemuan lain ialah perigi lama yang letaknya di dalam kota. Di sekeliling perigi ini terdapat banyak rimbunan pokok buluh. Perigi dipercayai berfungsi sebagai sumber air bagi penduduk kota manakala rimbunan pokok buluh yang banyak ditemui di kawasan ini dipercayai sebagai senjata pertahanan.

Keadaan perigi yang berukuran lebar kira-kira 2.4 meter

ini belum lagi dapat ditentukan kedalamannya kerana sebahagian besar telah dipenuhi dengan daun-daun buluh dan kayu. Sehingga kini belum ada usaha untuk melakukan ekskavasi di kawasan ini.

## 3. *Artifak*

Di dalam kawasan kota masih boleh ditemui dengan banyaknya serpihan-serpihan artifak seperti seramik dan tembikar tanah. Artifak lengkap masih dapat dilihat pada koleksi penduduk tempatan yang menemuinya di kawasan ini malah sebahagiannya mendakwa



Kedua bahagian dalam perigi lama yang telah kering masih dapat dilihat dengan jelas.



Melalui rimbunan pokok buluh untuk menuju ke perigi lama di Kota Johor Lama.



Antara artifak yang  
ditemui di kawasan  
Kota Johor Lama.

sebagai warisan turun temurun keluarga mereka.

Selain artifak seramik dan tembikar, terdapat juga barang tembaga, senjata dan syiling lama yang kini berada dalam simpanan penduduk tempatan. Sebuah manuskrip lama dapat dilihat berada di tangan seorang penduduk tempatan bernama Haji Othman bin Abu Hassan seorang pesara tentera berketurunan Bugis yang merupakan

penduduk asal Kampung Johor Lama. Manuskrip ini menceritakan tentang salasilah keluarga Bugis yang datang dan menetap ke kampung ini sejak beberapa lama. Manuskrip ini juga mengandungi ajaran-ajaran dan amalan Islam.



Berbagai pecahan seramik seperti ini dapat ditemui di kawasan Kampung Johor Lama.



Sebuah manuskrip lama yang masih disimpan oleh penduduk tempatan.




# Bab

# 3



Ketinggian dari aras pantai - 2.5M



# Kubu Budak



## Kedudukan

UBU Budak terletak di muara Sungai Johor Lama bertentangan dengan Kampung Johor Lama. Untuk sampai ke sini pengunjung boleh menyeberangi Sungai Johor Lama melalui Kampung Johor Lama. Tiada kemudahan jeti dan pengunjung terpaksa mendarat di kawasan tebing yang dipenuhi dengan pokok bakau.



Kubu Budak, pandangan dari sungai Johor



Makam Lama  
di dalam  
Kubu Budak.

### Sejarah Kubu Budak

Kubu Budak merupakan pusat pertahanan yang kedua penting selepas Kota Batu. Ia merupakan kubu pertahanan yang dapat mengawasi laluan Sungai Johor dan Sungai Johor Lama.

Menurut cerita kubu ini dibina oleh sekumpulan budak-budak. Mereka mengambil sekepal tanah setiap seorang dan seterusnya membina kubu yang luas. Mengambil sempena kerja budak-budak inilah maka kubu ini dinamakan Kubu Budak.

### Keadaan Kubu Budak

Ketinggian kubu dari aras pantai ialah 2.5 meter. Terdapat sebuah

lubang berbentuk bulat bujur yang lebarnya 4.7 meter dengan kedalamannya kira-kira 1.5 meter di bahagian tengah kubu. Ia dipersempit sebagai tempat persembunyian. Panjang kubu kira-kira 10 meter menganjur dari kedua-dua penjuru tebing Sungai Johor dan Sungai Johor Lama membentuk seperti bulan sabit. Lebar kubu kira-kira 13 meter.

Kubu dibina dari tanah merah yang besar kemungkinan diambil dari kawasan luar memandangkan kawasan asal dan sekitarnya merupakan paya bakau. Di atas kubu terdapat sebuah makam lama yang tidak diketahui namanya.



Gambaran dari atas tebing Kubu Budak



Kesan hakisan sungai di tebing Kubu Budak




Benteng Kubu Budak





# Bab 4

Bekas Tapak Istana Kota Panchor



Pelan  
Tapak-tapak sejarah di  
Kampung Panchor.

# Kampung Panchor Kota Tinggi, Johor



## Kedudukan

AMPUNG ini terletak kira-kira 14 km dari bandar Kota Tinggi jika melalui jalan Kota Tinggi ke Desaru. Untuk sampai ke kampung ini harus melalui jalan merah ladang kelapa sawit Felda Air Tawar. Kampung ini terletak di tepi Sungai Johor.

## Sejarah Kampung Panchor

Nama Kampung Panchor diambil sempena adanya sebuah pancuran air semulajadi yang terletak di pinggir kampung ini. Air pancuran ini dikatakan sentiasa menyemburkan airnya keluar sehingga menimbulkan bunyi yang kuat. Air pancuran ini juga pada asalnya tidak pernah mengalami kekeringan walaupun di dalam musim kemarau yang panjang. Pada masa dahulu air pancuran ini menjadi sumber air kepada penduduk tempatan.

## Peninggalan Sejarah di Kampung Panchor

### 1. Kota Panchor

Kota Panchor pada masa ini sangat sukar untuk dikesan. Dari pengamatan yang dibuat dapat dilihat kesan benteng lama yang berada di sekeliling bukit yang meng-



Bukit Tukul Kampung Panchor.

hadap arah sungai Johor. Di bahagian luar kota terdapat kesan binaan parit sebagaimana kota-kota Melayu lama yang lain.

Kota Panchor dipercayai dibina oleh Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Seorang Inggeris bernama Vaughan menggambarkan kota ini berbentuk empat persegi yang dibina dari balok-balok kayu besar dan berlapis-lapis dengan ketinggian kira-kira 12 kaki manakala lantai sebelah dalam dipertinggikan kira-kira 5 kaki.

Kota ini terletak di atas tanah tinggi yang dipercayai adalah Bukit Tukul Kanan yang berhampiran dengan sebuah sungai iaitu Sungai Tukul yang berkuala ke Sungai Johor.

Pada masa dahulu terdapat 12 pucuk meriam tembaga yang besar dan cantik yang diletakkan di kawasan kota yang ber kemungkinan untuk tujuan pertahanan. Dua pucuk meriam telah ditemukan oleh penduduk tempatan semasa pemerintahan Sultan Ibrahim dan baginda telah

memerintahkan supaya meriam tersebut diserahkan kepada baginda. Semasa proses pengambilan meriam tersebut sepucuk meriam yang dipercayai sebagai meriam jantan telah terjatuh ke dalam sungai. Sepucuk lagi meriam yang berjaya diselamatkan telah dibawa ke Johor Bahru dan sekarang diletakkan di hadapan bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan.

## 2. Makam

### 2.1. Makam Sultan Abdul Jalil

Makam ini terletak di kawasan dusun dan berhampiran dengan



Batu Nesan  
Aceh Makam  
Sultan  
Abdul Jalil.



Makam Sultan Abdul Jalil di Kampung Panchor.

jalan kampung. Batu nesannya berbentuk batu nesan Aceh. Menurut cerita penduduk tempat, pada asalnya makam ini berada di dalam bangunan batu. Pada masa ini bangunan tersebut telah diubah kepada bangunan berpagar. Batu asal berbentuk blok-blok batu (batu lumpur) berukuran kira-kira 50cm panjang dan 30cm lebar serta 25cm tebal masih dapat dilihat tetapi batu-batu tersebut telah digunakan sebagai tembok makam. Sebelum makam ini diubahsuai,

penduduk tempatan dikatakan sering menemui geliga embun pada setiap pagi di makam ini. Namun setelah pembinaan semula, kejadian seperti ini tidak berlaku lagi.

## 2.2. Makam Tengku Dara Puteh

Makam ini terletak di puncak Bukit Tukul bersama dengan sebahagian makam-makam lama yang lain. Pada masa sekarang kawasan makam ini telah dijadikan tanah perkuburan awam



Makam Tengku Dara Puteh.



*Makam  
Tengku Dara  
Puteh.*

penduduk tempatan. Batu nesannya dari batu karang berukir berbentuk batu Aceh.

### *3. Perigi Lama dan Pancuran Air*

Hanya terdapat kesan tapak perigi sahaja. Keadaan perigi tidak dapat digambarkan secara terperinci kerana telah terkambus dengan tanah yang berpasir.

Pancuran air dikatakan berbentuk empat segi panjang dan mempunyai anak tangga. Kedalaman kolam pancuran kira-kira 1 meter dengan air berwarna biru kehijauan. Pancuran air terletak di kawasan yang berpasir. Kerja-kerja pembersihan hutan di persekitaran kampung ini telah menyebabkan terjadinya hakisan yang mengakibatkan pancuran air terkambus oleh tanah.



Penduduk tempatan menunjukkan kawasan pancuran air.

Penduduk tempatan yang berpeluang melihat pancuran air ini mengatakan bunyi pancuran air ini boleh kedengaran sehingga satu batu jauhnya. Pada masa itu sesiapa yang berkunjung ke Kampung Panchor akan mengunjungi tempat ini yang dikatakan boleh menyembuh pelbagai penyakit.

#### 4. Tapak Istana

Tapak istana ini dipercayai seba-

gai kepunyaan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV, terletak berhampiran dengan makam baginda sendiri. Anggaran keluasan tapak istana tidak dapat dipastikan. Bahan binaan istana di Kota Panchor dipercayai dibuat dari kayu cendana yang kini telah musnah dan tidak kelihatan lagi.

Tidak ramai yang mengetahui di kawasan ini merupakan kawasan bekas tapak istana. Tiada tanda atau penunjuk arah yang boleh dijadikan panduan bagi mengesan tapak ini.



Kawasan tapak istana di Kampung Panchor



Kawasan bekas tapak istana.

Kawasan ini ditumbuhgi oleh pokok-pokok asal seperti pokok buah-buahan yang diperkirakan telah tua usianya. Di kawasan ini juga tidak ditumbuhgi dengan pokok-pokok renek. Keadaan ini menggambarkan bahawa tempat ini telah pernah diteroka untuk dijadikan kawasan seperti bangunan istana tersebut.

### *5. Cerita-cerita Lisan Peninggalan Sejarah Kampung Panchor*

#### *5.1. Pengkalan Kapak*

Pengkalan Kapak adalah lagenda dua beradik yang tamak dan sering berebutkan harta. Dalam

perebutan ini mereka telah menggunakan senjata kapak. Dari kejadian inilah tempat ini dinamakan Pengkalan Kapak.

#### *5.2. Limbung Aceh*

Limbong Aceh merupakan tempat untuk membaiki kerosakan kapal. Kesan limbongan ini masih dapat dilihat hingga sekarang. Ia terletak di tepi Sungai Johor.

#### *5.3. Sungai Tukul*

Sungai Tukul bermula dari cerita seorang tua yang didatangi oleh sekumpulan perompak. Perompak-perompak yang sedang kelaparan ini telah menyuruh orang tua tersebut memasak makanan



Keadaan  
Bukit Tukul di  
Kampung Panchor.



Muara  
Sungai Tukul.

untuk mereka. Orang tua tersebut telah memasak bubur ubi gadong. Mereka lalu memakan bubur ini tanpa mengetahui bahawa ubi gadong boleh memabukkan. Apabila telah kekenyangan mereka menjadi mabuk. Melihat keadaan ini penduduk kampung memukul kepala mereka dengan tukul sehingga mati. Mayat mereka dibuang ke dalam sungai yang sekarang ini dikenali sebagai Sungai Tukul.

#### *5.4. Pengkalan Bangsal*

Pengkalan Bangsal terletak di bukit Tukul Kiri. Kedudukannya di sebelah kiri Sungai Johor. Menurut cerita lisan tempatan bahwa Pengkalan Bangsal ini

diperdayai tempat untuk memunggah barang-barang dagangan. Bangsal-bangsal didirikan di dalam air dan berhampiran dengan sebuah teluk. Barang-barang dagangan akan diletakkan di sebelah timur sungai. Oleh kerana terdapat banyak bangsal didirikan di sini maka tempat ini dinamakan Pengkalan Bangsal.

#### *5.5. Teluk Gelanggang*

Menurut maklumat yang diceritakan oleh penduduk tempatan, Teluk Gelanggang merupakan tempat perlawanan antara kumpulan-kumpulan tertentu untuk mendapatkan Tanjung Gedung. Ini kerana Tanjung Gedung adalah tempat untuk

Persekutuan  
Pengkalan  
Bangsal.



menyimpan barang-barang dagangan dan barang-barang berharga disimpan di sini. Perebutan antara kumpulan-kumpulan ini biasanya berlaku di bahagian Teluk Gelanggang.

#### *5.6. Tanjung Gedung*

Tanjung Gedung merupakan tempat atau gudang untuk menyimpan barang-barang dagangan dan berharga. Menurut cerita tempatan, tempat ini pada masa dahulu dapat mengeluarkan barang-barang keperluan seperti pinggan mangkuk untuk majlis perkahwinan. Penduduk kampung sering meminjam barang-barang tersebut yang dikatakan kepunyaan orang bunian. Oleh

kerana kecuaian peminjam-peminjam maka tempat ini tidak lagi dapat mengeluarkan barang-barang tersebut.

#### *5.7. Batu Sauh Aceh*

Batu Sauh Aceh terdapat di kawasan jeti Kampung Panchor di tepi Sungai Johor. Batu ini masih dapat dilihat semasa air sungai surut. Menurut cerita tempatan Batu Sauh Aceh berasal dari penjelmaan seorang kelasi kapal dari Aceh yang terjun ke sungai untuk menjadi sauh kapal. Kerana kesetiaannya terhadap ketua kapal maka beliau terus menahan dirinya ke dasar sungai sehingga akhirnya menjadi batu.



Jeti Sungai Sembilang yang digunakan untuk menuju ke Teluk Gelanggang



Teluk Gelanggang



Tanjung Gedung.



Di atas Bukit Tanjung Gedung.

## 6. Temuan Artifak



Pecahan seramik seperti ini banyak dijumpai di Kampung Panchor.




Pecahan tembikar di kawasan Limbong Aceh.



Pecahan seramik  
di kawasan  
Limbongan  
Aceh.




Pecahan seramik yang  
dijumpai di Pengkalan  
Bangsal.



# Bab

# 5



Lakaran  
Kota Bukit Seluyut

# Bukit Seluyut



## Kedudukan

UKIT Seluyut terletak berhampiran dengan kuala Sungai Seluyut dan Selat Medina di Sungai Johor. Sangat mudah untuk ke tempat ini sekiranya menggunakan bot. Perjalanan dari Kampung Panchor ke Bukit Seluyut dengan menaiki bot mengambil masa kira-kira satu jam.

## Sejarah Bukit Seluyut

Bukit Seluyut pernah menjadi pusat pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1564-1570) iaitu sultan Johor ketiga. Di sinilah juga Tun Muhammad atau Tun Seri Lanang iaitu pengarang buku Sejarah Melayu dilahirkan.

Istana sultan dibina di atas Bukit Seluyut yang tingginya kira-kira 204 kaki



Pandangan Bukit Seluyut dari Sungai Johor.

dengan tujuan supaya mudah mengawasi pergerakan kapal di Sungai Johor. Pusat pemerintahan di Bukit Seluyut hanya bertahan selama tujuh tahun sahaja kerana Sultan Ali Jalla iaitu sultan Johor ke empat telah memindahkan pusat pemerintahannya ke Tanah Putih.

Manakala di bahagian luar benteng kota telah dibina parit yang besar dan dalam sebagaimana lazimnya kota-kota Melayu lain.

Ketinggian benteng dianggarkan setinggi tujuh hingga lapan kaki dan timbunan tanah ini masih dapat dilihat hingga kini.



Pandangan Sungai Johor dari puncak Bukit Seluyut.

### Peninggalan Sejarah di Bukit Seluyut

#### *1. Tapak Kota*

Jika tidak diperhatikan dengan teliti sukar untuk dijangkakan bahawa sebahagian besar lereng bukit ini telah dibina sebuah benteng kota yang diperbuat dengan



Benteng Kota Bukit Seluyut.



Lereng Bukit Seluyut menghala ke Makam Raja Fatimah.



*Makam Sultan Muzaffar Shah di kaki  
Bukit Seluyut.*

Terdapat tiga tingkat benteng yang menganjur ke penjuru bukit yang menghadap di bawahnya pertemuan tiga batang sungai iaitu Sungai Johor, Sungai Seluyut dan Selat Medina. Di bahagian penjuru tebing kota yang menghadap sungai adalah merupakan tempat pengawal dikatakan membuat tinjauan terhadap laluan sungai. Kesan kawasan ini sekarang masih dapat dilihat berupa pecahan batu-batu. Benteng selebar lima meter ini diperkirakan panjangnya 217 meter di atas Bukit Seluyut.

### *2. Tapak Istana*

Tapak istana diperkirakan terletak di tengah-tengah kawasan kota. Ukuran tapak istana seperti panjang, lebar, bahan binaan serta arah hadapnya tidak dapat dipastikan. Istana ini dikatakan telah dibina oleh Sultan Muzaffar Shah setelah baginda berpindah dari Johor Lama.

### *3. Makam*

Terdapat dua buah kompleks makam. Kedua-dua makam terletak di kaki bukit iaitu kompleks makam Tiga Beranak dan Makam Raja Fatimah. Di dalam kompleks Makam Tiga Beranak terdapat Makam Sultan Muzaffar



Makam Tiga Beranak di  
Bukit Seluyut.



Batu nesan Aceh di Makam  
Tiga Beranak di Bukit Seluyut.

Shah. Terdapat sebuah batu bulat berada di antara makam-makam di kompleks ini. Batu ini dikatakan sering berubah keduukannya dan dikatakan sebagai penjaga kawasan ini.

Sebuah makam lagi diper-  
caya telah hanyut ke dalam su-  
ngai akibat hakisan. Kedua-dua  
kompleks makam telah dibina  
bumbung tetapi persekitarannya  
agak semak. Terdapat batu-batu

nesan yang telah patah namun  
masih berada pada kedudukan  
asalnya. Semua batu nesan di  
kedua-dua kompleks makam  
adalah dari Batu Aceh yang  
mempunyai ukiran yang indah.

Menurut sejarahnya, pada  
tahun 1570, Sultan Muzaffar  
Shah telah mangkat dan dikebu-  
mikan di Seluyut. Bagindalah  
yang disebut 'Marhum Mangkat  
di Seluyut' atau 'Marhum




Batu nesan di  
Makam Raja  
Fatimah di  
Bukit Seluyut.

Seluyut'.

Menurut wasiat 'Marhum Seluyut', Bendahara Seri Maharaja Johor (Tun Isap Misai) dan pembesar-pembesar Johor telah melantik anak saudara Almarhum yang bernama Raja Abdul Jalil menjadi Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Shah I. Baginda hanya berusia lapan

tahun ketika bergelar sultan. Malangnya belum pun sampai setahun baginda menjadi sultan, baginda telah mangkat dengan tiba-tiba. Raja Umar telah dilantik menjadi Sultan Johor bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II.



Batu nesan di  
Makam Sultan  
Muzaffar Shah  
di Bukit Seluyut.



# Bab 6



Congong @ Pasir Putih.

# Gonggong @ Pasir Putih




## Kedudukan

ONGGONG atau disebut sebagai Pasir Putih terletak kira-kira 4km ke hilir Sungai Seluyut di tepi Sungai Johor. Ia juga ber-tentangan dengan Bukit Seluyut.

Ukiran bahagian belakang Batu Nesan Panglima Dayong.





Makam  
Panglima  
Dayong

### Latarbelakang Sejarah

Gonggong atau Pasir Putih atau juga Tanah Putih dibuka oleh Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah. Baginda menjadikan Tanah Putih sebagai pusat pemerintahannya selepas berpindah dari Seluyut. Pusat pemerintahan di sini hanya bertahan selama kira-kira dua tahun sahaja, apabila baginda

Sultan Ali berpindah semula ke Johor Lama. Adalah diperkatakan bahawa Tanah Putih hanya dijadikan tempat berlabuh sebelum menuju ke Kota Tinggi.

### Keadaan Tapak

Anggaran keluasan kawasan tapak ini tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana hampir sebahagian



Pecahan tembikar yang dapat ditemui.


besar dari kawasan ini adalah kawasan berpaya yang sukar dilalui.

#### Kesan-kesan Peninggalan

Kawasan ini diberi nama Tanah Putih kerana keseluruhan tanah di sini berwarna putih. Tidak ada peninggalan sejarah yang begitu penting dapat dilihat kecuali sebuah makam lama berbatu nesan Aceh yang disebut sebagai makam Panglima Dayong yang terletak tidak jauh dari Sungai Johor.

# Bab

7




# Makam Sultan Mahmud Kampung Makam

## M

### Kedudukan

AKAM Sultan Mahmud terletak di Kampung Makam kira-kira 3km dari bandar Kota Tinggi. Bersebelahan dengan kompleks makam ini terdapat Masjid Kampung Makam dan Sungai Kota Tinggi pula terletak di bahagian selatan iaitu kira-kira 100 meter dari sini.



Kompleks Makam Sultan Mahmud Mangkat Dijulang.

### Latarbelakang Sejarah

Makam ini dikenali sebagai Makam Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Baginda Sultan Mahmud diputerakan pada tahun 1675 dan mangkat dibunuh oleh Megat Seri Rama pada hari Jumaat, Ogos 1699. Baginda merupakan keturunan terakhir Raja Fatimah dan cucu kepada Sultan Alauddin Riayat Shah II iaitu raja pertama yang membuka Johor Lama pada tahun 1530.

Peristiwa kemangkatan Sultan Mahmud ditikam oleh Megat Seri Rama yang dikenali sebagai Laksamana Bentan meru-

pakan sejarah hitam. Sultan Mahmud ditikam kerana Megat Seri Rama membala dendam terhadap kematian isterinya yang telah dibunuh oleh baginda.

Menurut ceritanya, semasa Megat Seri Rama menjalankan tugas menumpaskan lanun, beliau meninggalkan isterinya Dang Anum yang sedang sarat mengandung. Dang Anum mengidam buah nangka. Nangka yang diambilnya adalah dari pokok nangka di kebun sultan. Perbuatan menebus nangka itu amat dimurka oleh sultan kerana dianggap menghina baginda. Dang Anum menyatakan bahawa



Persekutuan Kompleks Makam Sultan Mahmud Mangkat Dijulang.


nangka itu bukan untuknya tetapi untuk anaknya yang di dalam kandungan. Akhirnya sultan memerintahkan supaya perut Dang Anum dibelah bagi membuktikan benar atau tidaknya kata-kata Dang Anum itu. Apabila dilihat oleh baginda nangka tersebut berada di mulut bayinya, baginda merasa amat kesal atas tindakannya itu tetapi telah terlambat.

Mengetahui kejadian itu maka Megat Seri Rama telah menikam baginda sultan ketika baginda berangkat ke masjid untuk menuaikan sembahyang Jumaat. Tikaman Megat Seri Rama tepat kena kepada sultan. Ketika akan rebah, baginda sempat disambut oleh pengiringnya lalu dijulang. Sebelum menghembuskan nafas yang terakhir, baginda sempat melontarkan kerisnya ke arah Megat

Seri Rama dan tepat mengenai kakinya lalu Megat Seri Rama meninggal dunia. Dari segi sejarah Sultan Mahmud Shah II merupakan keturunan Sultan Melaka yang terakhir. Ini merupakan titik tolak kepada bermula其nya pemerintahan keturunan bendahara.

### Kesan Peninggalan

Batu nesan di kompleks makam ini terdiri daripada batu nesan Aceh. Kompleks makam ini mengandungi 15 buah makam. Hanya 5 buah makam sahaja yang dikenalpasti manakala bakinya tidak diketahui namanya. Makam Sultan Mahmud mempunyai batu nesan yang tertinggi berbanding dengan batu nesan lain yang terdapat di kompleks makam ini. Ketinggiannya ialah 4 kaki 8 inci. Jarak di antara batu nesan ialah 7 kaki.



Kompleks Makam Sultan Mahmud


### Kompleks Makam Sultan Mahmud

1. Sultan Abdullah Syah Ibn Al Marhum Sultan Muzaffar Syah
2. Sultan Alaudin Riayat Syah
3. Tiada diketahui nama makam lelaki
4. Tiada diketahui nama makam lelaki
5. Sultan Abdul Jalil Syah V
6. Satilah Salam (keturunan Sultan Mahmud)

7. Sultan Mahmud Syah Ibn Al-Marhum Sultan Ibrahim Syah
8. Tiada diketahui nama makam perempuan
9. Tiada diketahui nama makam perempuan
10. Tiada diketahui nama makam perempuan
11. Tiada diketahui nama makam lelaki
12. Tiada diketahui nama makam perempuan
13. Tiada diketahui nama makam perempuan
14. Tiada diketahui nama makam lelaki
15. Tiada diketahui nama makam perempuan
16. Makam Kucing Bertanduk



Makam-makam di Kompleks  
Makam Sultan Mahmud Mangkat Dijulang.



Bentuk Batu Nesan  
Makam Sultan Mahmud  
Mangkat Dijulang.



Makam Kucing  
Bertanduk yang  
terletak di luar  
Kompleks Makam  
Sultan Mahmud  
Mangkat  
Dijulang.



# Bab

# 8




Persekutuan Kompleks Makam Tun Habab.

# Makam Bendahara Tun Habab Kampung Makam

## M

### Kedudukan

AKAM Bendahara Tun Habab terletak di Kampung Makam iaitu kira-kira 3km dari bandar Kota Tinggi. Ia berada di dalam satu kawasan perkuburan yang luas. Sebuah kompleks telah dibina untuk menempatkan makam Tun Habab dan beberapa buah makam yang lain. Kompleks ini berukuran



Di dalam Kompleks Makam Bendahara Tun Habab.



Batu Nesan Makam  
Bendahara Tun Habab.

kira-kira 83 kaki panjang dan 18 kaki lebar.

#### Latarbelakang Sejarah

Bendahara Tun Habab Abdul Majid bin Abdullah atau gelarannya Paduka Bendahara Sri Maharaja Padang Saujana Johor telah mangkat pada tahun 1697. Paduka ayahandanya (Abdullah)

menjadi pemangku raja kepada Sultan Alauddin Riayat Shah III dan paduka memandanya iaitu Paduka Sultan Muzaffar Shah III adalah putera kepada Sultan Alauddin Riayat Shah yang membuka Kota Tinggi pada tahun 1540.

Datuk Bendahara ini telah ditabalkan menjadi raja dan bergelar Sultan Abdul Jalil Shah

VI. Keturunan baginda membawa kepada Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Almarhum Abu Bakar Halim Mansur yang memerintah kerajaan Johor.

#### Kesan Peninggalan Sejarah

Makam Tun Habab atau Tun Habib telah dikenal pasti dan telah dipulihara dengan membina wakaf. Batu nesan di kompleks makam ini terdiri dari jenis Batu Aceh. Persekutaran makam ini dijaga dengan baik dan sehingga kini kawasan ini dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Kota Tinggi.



# Bab 9



Kota Makam Tauhid.

# Kota Makam Tauhid Kampung Makam



## Kedudukan

OTA Makam Tauhid terletak di Kampung Makam kira-kira 2km dari bandar Kota Tinggi. Berdekatan dengannya adalah Sungai Pemandi yang mengalir ke Sungai Kota Tinggi.

## Latarbelakang Sejarah

Kota Makam Tauhid bukanlah sebuah makam tetapi adalah nama ibu negeri kerajaan Johor satu ketika dahulu. Makam Tauhid merupakan ibu negeri Johor yang ke 8 dan bertempat di tanah besar dan menjadi pusat pemerintahan sebanyak dua kali.

Rekod sejarah mengesahkan bahawa Makam Tauhid dijadikan ibu negeri Johor buat kali pertama pada tahun 1637 iaitu semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677).

Dengan adanya kerjasama di antara Johor dengan Belanda, baginda telah membina istana dengan menggunakan bahan binaan Belanda. Baginda meninggalkan Makam Tauhid pada tahun 1642 kerana tempat tersebut diserang penyakit dan berpindah ke Pasir Raja.

Makam Tauhid menjadi pusat pemerintahan dari masa ke semasa di zaman pemerintahan Bendahara Sultan Abdul Jalil Riayat Shah (1699-1718) sebelum baginda




Pintu Masuk  
Kota Makam  
Tauhid.

menetapkan Pancor sebagai ibu negeri Johor.

#### Gambaran Kota Makam Tauhid

Kota Makam Tauhid dibina dari batu dan dihiasi dengan kulit kerang. Berbentuk segi empat panjang dan berada agak tinggi dari tanah sekitarnya. Terdapat sebuah pintu gerbang bagi memasuki kota ini.

Di dalam dan di luar sekitar kawasan kota terdapat beberapa makam yang tidak dapat dikenal pasti. Sebagaimana makam yang lain makam-makam di sekitar kawasan ini mempunyai batu nesan yang sama iaitu dari Batu Aceh.





# Bab 10



Makam Lama  
di Batu Sawar

# Batu Sawar Kota Tinggi



## Kedudukan

ATU Sawar terletak di antara Tanjung Putus dan Pasir Putih di pesisiran Sungai Johor. Di tebing sungai dapat dilihat long-gokan batu-batu sungai yang sangat besar.



Satu lagi  
Makam Lama di  
Batu Sawar.

besar. Batu-batu ini akan kelihatan lebih jelas apabila air sungai surut.

#### Latarbelakang Sejarah

Batu Sawar menjadi pusat pemerintahan Melayu Johor pada tahun 1587 di bawah Sultan Ali Jalla Abdul Jalil sehingga tahun 1677 pada zaman Sultan Abdul Jalil Riayat Shah III. Pemerintahan ini berlangsung selama hampir 90 tahun.

#### Kesan Peninggalan Sejarah


Terdapat beberapa buah makam seperti makam Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II (Raja Omar) dan beberapa makam yang tidak dapat dikenal pasti. Apabila berlaku banjir kawasan makam bersejarah ini seringkali ditenggelami air. Sebahagian dari batu nesan di makam ini telah musnah akibat projek pembinaan jalan yang menghubungkan jalan ke Kota Tinggi dengan jalan ke Desaru.

Namun begitu lima buah makam yang ditemukan adalah peninggalan makam lama berbentuk Batu Aceh. Ada cerita mengenai Badang menahan ikan dengan menggunakan susunan batu-batu di tepi sungai.

ANS. 1100. 153 162 172



# Bab 11



# Makam Cik Siti Aminah Kampung Tembioh

## M

### Kedudukan

AKAM Cik Siti Aminah terletak di Kampung Tembioh di pinggir sungai Kota Tinggi. Makam ini berada di seberang sungai tidak jauh dari bandar Kota Tinggi.

### Latarbelakang Sejarah

Makam Cik Siti Aminah juga dikenali dengan nama Makam Cik Siti Aminah Tanah Mahsyur atau Cik Siti Jalang.



Makam Cik Siti Aminah.

Makam ini dianggap sebagai satu kesan sejarah yang menarik dalam rangkaian sejarah raja-raja Johor pada masa dahulu yang berpusat di Kota Tinggi.

Menurut ceritanya, almarhumah Cik Siti dipercayai adalah

sudah pasti terpikat dan tergilila ingin memperisterikannya. Syarat utama yang diberi oleh Cik Siti kepada bakal suaminya itu ialah menyediakan sebuah keranda serta tiga papan kain kapan sebagai persediaan mengkbumi-


Batu Nesan Makam  
Cik Siti Aminah



anak kepada salah seorang orang besar istana berjawatan Temenggung atau Bendahara. Dikatakan juga bahawa Cik Siti Aminah yang terkenal dengan gelaran Cik Siti Jalang adalah seorang wanita yang kaya dan cantik. Kononnya dia digelar Jalang kerana beliau telah berkahwin sebanyak 99 kali. Anehnya kesemua suaminya mati.

Kerana kejelitaannya yang luarbiasa itu, setiap kali lelaki yang melihat paras wajahnya

akan suaminya yang dipercayai akan mati pada keesokan harinya setelah mereka berkahwin. Syarat ini dipenuhi oleh setiap calon suaminya. Ditakdirkan Allah pada akhirnya Cik Siti mendapat suami yang kekal setelah berkahwin dengan suaminya yang keseratus. Dengan suaminya yang terakhir ini Cik Siti Aminah hidup bahagia dan kekal hingga ke akhir hayatnya.





12



Makam Laksamana Bentan, pandangan dari Sungai Kota Tinggi.

# Makam Laksamana Bentan Kampung Kelantan

*M*

## Kedudukan

MAKAM Laksamana Bentan terletak di Kampung Kelantan dan berhampiran dengan tebing Sungai Kemang di daerah Kota Tinggi. Perjalanan hanya sejauh 2km dari bandar Kota Tinggi.



Kompleks Makam Laksamana Bentan.

### Latarbelakang Sejarah

Nama sebenar Laksamana Bentan ialah Megat Seri Rama berasal dari Bentan Sumatera dan bertugas sebagai panglima angkatan laut Sultan Mahmud Shah II. Laksamana Bentan ditugaskan

Makam  
Laksamana Bentan



menumpaskan lanun-lanun yang bermaharajalela di Kuala Sungai Johor.

Ketika Laksamana menjalankan tugas menjunjung titah sultan, isteri Laksamana yang bernama Dang Anum yang sedang sarat mengandung anak sulung teringin memakan buah nangka. Dang Anum terserempak dengan seorang hamba raja

yang sedang membawa buah nangka untuk dipersembahkan kepada sultan, ketika melalui kampung Kelantan untuk ke Kota Tinggi tempat Sultan Mahmud bersemayam.

Dang Anum meminta simpati hamba raja supaya dapat memberi seulas nangka kerana keinginan anak dalam kandungannya. Hamba raja menebuk

buah nangka dan memberi seulas kepada Dang Anum dan seterusnya bekas yang ditebus ditutup sehingga tidak nampak kesan tebusan itu.

Setibanya di istana, hamba raja menyerahkan buah nangka

Dipercaiyai  
Makam Anak Laksaman Bentan.



itu kepada penghulu istana untuk dipersembahkan kepada sultan. Malangnya ketika membelah buah tersebut ianya terkena tepat pada bekas tebusan hamba raja tadi. Sultan Mahmud murka lalu memerintahkan pengawal mengkap si pembawa buah nangka itu tadi kerana memberi sisa makanan kepada baginda. Ham-

ba raja menceritakan kisah yang sebenarnya kepada sultan. Berikutan itu Dang Anum ditangkap dan dihukum walaupun telah menceritakan keadaan sebenarnya. Sultan tetap tidak percaya lalu memerintahkan supaya perut Dang Anum dibelah untuk melihat kebenaran kata-kata Dang Anum. Terbukti ada buah nang-

ka dalam mulut bayi itu.

Sultan rasa bersalah dan memerintahkan supaya mayat Dang Anum dan anaknya dikebumikan serta memberi amaran jika sesiapa yang membuka rahsia kematian Dang Anum akan dibunuh juga.

Beliau amat marah kerana sultan begitu zalim kepadanya yang telah berjasa kepada sultan. Wujud rasa dendam di hati Laksamana untuk membala perbuatan sultan yang berlaku zalim membunuh isteri dan anaknya.



*Tulisan Khat di batu nesan yang terdapat di Kompleks Makam Laksamana Bentan.*

Laksamana pulang setelah beroleh kejayaan dan mencari isteri serta anaknya. Puas Laksamana mencari dan bertanya kepada orang-orang kampung namun tidak seorang pun yang mahu memberitahunya. Akhirnya Laksamana mendapat tahu juga yang isteri dan anaknya telah dibunuh oleh sultan hanya berpunca dari seulas nangka.

Dalam tulisan Bugis menyatakan Laksamana memarang sultan ketika sultan di atas julang hendak ke masjid menunaikan fardu Jumaat. Ketika di atas julang, baginda diiringi oleh para pengawal dan hulubalang, tambahan pula waktu tengahari adalah sukar bagi Laksamana menjayakan rancangan membunuh Sultan Mahmud itu. Laksamana bersembunyi di sebalik pokok yang besar di waktu subuh ketika cuaca gelap dan menunggu sultan lalu untuk ke masjid menunaikan fardu subuh. Ketika melihat sultan sedang dijulang untuk ke masjid melalui tempat Laksamana bersembunyi, Laksamana segera menikam Sultan Mahmud yang di atas julang dan terkena ibu jari kaki baginda. Baginda segera mencabut keris dan melantingkan ke arah dada Laksamana lalu rebah ke bumi dan terus mati. Sebelum menghembuskan nafas terakhir, bagin-

da sempat melafaskan sumpahannya iaitu; ‘Orang-orang yang berdarah Bentan ketika melalui Kuala Sungai Johor akan memuntahkan darah sehingga sampai tujuh keturunan’, ‘Berubah keadaan sungai iaitu hulu Sungai Johor akan menjadi hilir dan hilir Sungai Johor akan menjadi hulu’.

Sultan Mahmud dimakamkan di Kota Tinggi (kompleks makam yang ada sekarang) dan mayat Laksamana Bentan dapat diselamatkan orang dan disemadikan berhampiran pusara isteri dan anaknya di Kampung Laksamana atau disebut juga Kampung Kelantan.

#### Kesan Peninggalan Sejarah

Peninggalan sejarah yang ada ialah sebuah kompleks makam yang di dalamnya terdapat makam Laksamana Bentan, Dang Anum dan anaknya.



13




Kompleks Makam Dua Belas Sayong Pinang.

# Kota Sayong Pinang



## Kedudukan


OTA Sayong Pinang terletak tidak jauh dari pekan Sayong daerah Kota Tinggi. Perjalanan dari jeti Kota Tinggi ke Sayong Pinang mengambil masa selama empat jam menggunakan bot. Jika melalui jalan darat ia mengambil masa selama 45 minit dari bandar Kota Tinggi. Perjalanan melalui sungai menempuh berbagai rintangan, antaranya sungai semakin sempit dan cetek di bahagian hulunya dan berliku-liku serta pokok-pokok hutan yang tumbang ke dalam sungai.



Makam Dua Belas Sayong Pinang.



Kompleks Makam Tujuh Sayong Pinang.



Makam Tujuh Sayong Pinang.

Halangan yang sangat ketara ialah adanya gombang yang merintangi sungai. Gombang ialah sejenis alat yang digunakan untuk memerangkap ikan dan udang dan dipasang merentasi sungai yang dibuat oleh kaum orang asli

Makam Satu  
Sayong Pinang.



di sepanjang sungai menuju ke Sayong Pinang.

#### Latarbelakang Sejarah

Sayong Pinang merupakan sebuah pusat pemerintahan kerajaan Johor semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riaya Shah II (1528-1564). Kota Sayong tidak pernah diserang dan dibinasakan

oleh mana-mana pihak kerana kedudukannya di tebing sungai yang sempit yang menimbulkan kesukaran kepada kapal-kapal perang untuk mendarat. Oleh itu Sayong Pinang masih menyimpan kesan-kesan yang diwujudkan pada tahun 1535.

Kompleks makam di Sayong Pinang mengandungi makam-makam seperti Makam Satu,



Makam Raja Sulaiman Sayong Pinang.



Blok-blok batu karang yang masih 'insitu' di Sayong Pinang.

Makam Dua, Makam Tujuh, Makam Dua Belas dan Makam Raja Sulaiman. Dipercayai makam-makam ini adalah makam lama kerabat di raja dan pembesar-pembesar Johor ketika itu termasuk Raja Sulaiman ibni Sultan Mansur Shah dan Tun Hamzah (Tok Nara Diraja).




Batu nesan  
Makam Raja  
Sulaiman.

### Kesan Peninggalan Sejarah

Kesan peninggalan sejarah yang dapat dilihat sehingga hari ini ialah 24 buah makam yang terdiri daripada jenis batu nisan Aceh yang berukiran halus dan menarik. Sebahagian daripadanya mengandungi tulisan khat dan terdapat juga yang diperbuat daripada batu karang.

Batu nesan  
Makam Dua Belas,  
Sayong Pinang.



Adalah dipercayai bahawa terdapat binaan bangunan di dalam kawasan Kota Sayong kerana sehingga kini masih dapat dilihat banyak pecahan blok-blok batu karang di permukaan tanah dan sebahagian lagi masih terimbush.


Kota Sayong dipercayai dibina dari timbunan tanah selain batu karang sebagai bahan asas binaan. Anggaran keluasan tidak dapat dipastikan kerana sehingga kini belum ada penyelidikan yang lebih mendalam dibuat di kawasan ini.



Pecahan Tembikar  
di Sayong Pinang.



Pecahan Tembikar  
di Sayong Pinang.



Pecahan Tembikar  
di Sayong Pinang.



Pecahan Teko  
Tembikar di  
Sayong Pinang.



Pecahan Seledor  
di Sayong Pinang.



Pecahan Botol  
Kaca di Sayong  
Pinang.



Pecahan Mangkuk Seramik di Sayong Pinang.




Pecahan Pinggan Seramik di Sayong Pinang.



Pecahan Seramik  
di Sayong Pinang.



Pecahan Mangkuk  
Seramik di Sayong  
Pinang.



Pecahan Mangkuk di  
Sayong Pinang.



Pecahan Sudu  
Seramik di  
Sayong Pinang.



# Bibliografi

**Abdul Halim Nasir**

- 1995 "Kota Johor Lama", Dewan Budaya, 7(10), 1985: 51-55, foto.

- 1990 Kota-kota Melayu.-Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, peta, pelan, foto, ilus., indeks, bib. [232-233]

**Abdu Samad bin Ahmad (ed),**

- 1986 Sulalatua Salatan (Sejarah Melayu), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, xxxix + 375 ms-, glos., gambar.

**Buyong Adil**

- 1980 Sejarah Johor.-Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980 [Terbitan pertama 1971], xiv + 352 ms, ilus., peta, bib. [339-340].

**Kamarudin Ab. Razak**

- 1981 "Kota Batu Johor Lama : kesan-kesan sejarah di pesisiran sungai Johor", *Jurnal Warisan Johor*, 1, 1997 : 14-28, foto, pelan, peta.

**Lee Ai Ywee**

- 1989-1990 *Kajian Arkeologi di Johor Lama, 1510-1560*.-Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989-1990.

- 1994 "Kajian Arkеologi di Johor Lama, 1510-1560", in : Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan (eds), *Johor dahulu dan sekarang*.-Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, 1994, pelan.

**Mohd. Redzuan Tumin**

- 1995 *Kesan-Kesan Sejarah Johor Lama di Sepanjang Sungai Johor dan Potensi Sebagai Produk Pelancongan*.-Desaru (Johor) : Konvensyen Pelancongan Sejarah IMS-GT, 27-29 Ogos 1995, 29 hlm., peta, pelan, foto.

**Nor Hisham Hussein**

- 1991-1992 *Kajian arkeologi di tapak-tapak arkeologi sepanjang tebing Johor: Satu penilaian dan penafsiran semula*.-Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1991-1992.

**Perret, Daniel & Kamarudin Ab. Razak**

- 1988 *Kompleks Makam Ulu Sungai Che Omar dan Bukit Telepok*.-Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor/Ecole francaise d'Extreme-Orient, 1998,

136 hlm., peta, foro, indeks, bib. [115-118].

**Shaharom Husain**

- 1950 *Tawarikh Johor (jawi)*. Singapore : al-Hamadiah Press, 1950, 113 hlm., foto.
- 1995 *Sejarah Johor Kaitannya Dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti, 1995, viii + 194 hlm., salasilah, foto, bibi. [194].
- Shellabear, William Gindlestorne (ed),**
- 1994 *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti, xii + 262 ms.

